



**KEMENTERIAN
PERPADUAN NEGARA**
KENYATAAN MEDIA

**MAKAN BESAR KELUARGA DAN AKTIVITI KEAGAMAAN DI RUMAH
IBADAT SEMPENA PERAYAAN TAHUN BARU CINA 2021 DIBENARKAN
DENGAN MEMATUHI SOP YANG KETAT**

Putrajaya, 7 Februari 2021 – Mesyuarat Teknikal Majlis Keselamatan Negara (MKN) hari ini yang telah dipengerusikan oleh Menteri Kanan Pertahanan, YB Dato' Sri Ismail Sabri Bin Yaakob bersetuju meluluskan SOP Sambutan Tahun Baru Cina yang telah ditambah baik.

2. Mesyuarat bersetuju Makan Besar Keluarga (*Family Reunion Dinner*) pada 11 Februari 2021 dibenarkan dengan tidak melebihi 15 orang ahli keluarga terdekat yang tinggal dalam zon lingkungan 10km radius tanpa rentas daerah dan negeri.

3. Mesyuarat juga bersetuju untuk aktiviti keagamaan di rumah ibadat pada 11, 12 dan 19 Februari 2021 dibenarkan dan tertakluk kepada SOP ketat seperti berikut:

- i. Bilangan kehadiran penganut di rumah ibadat tidak melebihi 30 orang pada satu-satu masa dengan pemakaian pelitup muka dan penjarakan fizikal.
- ii. Tempoh waktu sembahyang adalah selama 30 minit dan diselangi dengan kerja-kerja sanitasi selama 30 minit sebelum waktu sembahyang yang berikutnya.
- iii. Jadual waktu sembahyang adalah bermula daripada jam 6.00 pagi hingga 2.00 petang sahaja seperti di Lampiran 1.
- iv. Aktiviti sembahyang pada 19 Februari 2021 dibenarkan di halaman rumah masing-masing pada waktu malam mengikut tradisi perayaan Tahun Baru Cina bagi “*Hokkien Clan*”.

4. Pegawai-pegawai Perpaduan yang telah dilantik sebagai Pegawai Pemantau di bawah Seksyen 3 Akta Pencegahan dan Pengawalan Penyakit Berjangkit 1988 [Akta 342] akan melakukan pemantauan pematuhan SOP yang telah ditetapkan.

5. Menteri Perpaduan Negara, YB Datuk Halimah Mohamed Sadique menyeru masyarakat kaum Cina di Malaysia untuk menyambut perayaan tahun ini dalam norma baharu, sentiasa mematuhi SOP yang ditetapkan, menjaga kebersihan diri dan pastikan penjarakan fizikal dalam usaha kita memutuskan rantai COVID-19 di Malaysia.

Kementerian Perpaduan Negara

7 Februari 2021

-TAMAT-

Mengenai Kementerian Perpaduan Negara:

Kementerian Perpaduan Negara ditubuhkan pada 10 Mac 2020 di bawah kepimpinan Kerajaan Perikatan Nasional. Fungsi utama Kementerian Perpaduan Negara adalah untuk memacu agenda perpaduan nasional bagi memastikan kesejahteraan dan keharmonian rakyat Malaysia.

Pertanyaan media:

Unit Komunikasi Korporat, Kementerian Perpaduan Negara

Tel: +603 8091 8041 Fax: +603 8888 8568 / 569

E-mail: pro@perpaduan.gov.my

No rujukan: KPN.UKK.100-9/1/8 (48)

LAMPIRAN 1

JADUAL WAKTU SEMBAHYANG/AKTIVITI KEAGAMAAN DI RUMAH IBADAT SEMPENA TAHUN BARU CINA BERMULA 6.00 PAGI HINGGA 2.00 PETANG PADA 11, 12 DAN 19 FEBRUARI 2021

MASA	AKTIVITI	BILANGAN KEHADIRAN
6.00 – 6.30 pagi	Sesi Sembahyang 1	Bilangan kehadiran penganut di rumah ibadat tidak melebihi 30 orang pada satu-satu masa dengan pemakaian pelitup muka dan penjarakan fizikal.
6.30 – 7.00 pagi	Kerja-Kerja Sanitasi	
7.00 – 7.30 pagi	Sesi Sembahyang 2	
7.30 – 8.00 pagi	Kerja-Kerja Sanitasi	
8.00 – 8.30 pagi	Sesi Sembahyang 3	
8.30 – 9.00 pagi	Kerja-Kerja Sanitasi	
9.00 – 9.30 pagi	Sesi Sembahyang 4	
9.30 – 10.00 pagi	Kerja-Kerja Sanitasi	
10.00 – 10.30 pagi	Sesi Sembahyang 5	
10.30 – 11.00 pagi	Kerja-Kerja Sanitasi	
11.00 – 11.30 pagi	Sesi Sembahyang 6	
11.30 – 12.00 tgh	Kerja-Kerja Sanitasi	
12.00 – 12.30 tgh	Sesi Sembahyang 7	
12.30 – 1.00 tgh	Kerja-Kerja Sanitasi	
1.00 – 1.30 ptg	Sesi Sembahyang 8	
1.30 – 2.00 ptg	Kerja-Kerja Sanitasi	